

**SOALAN NO : 98**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : YB DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID**  
**[KUALA KANGSAR]**  
**TARIKH :**  
**SOALAN : 98**

**YB Datin Mastura Binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pertimbangan untuk menambah unit dialisis bagi memenuhi keperluan pesakit yang bertambah dan ianya amat tidak mencukupi di Hospital Kuala Kangsar

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada masa ini Unit Hemodialisis di Hospital Kuala Kangsar mempunyai 12 unit mesin hemodialisis (11 negatif, 1 Hepatitis C), di mana 4 unit mesin hemodialisis baru telah dibekalkan pada tahun 2015 dan 1 unit mesin pada tahun ini.

Bilangan pesakit yang menerima rawatan adalah seramai 40 orang. Rawatan hemodialisis disediakan dalam dua syif. Kementerian Kesihatan akan berusaha untuk menyediakan lebih ramai kakitangan terlatih serta tambahan peruntukan untuk menambah syif rawatan kepada 3 syif supaya dapat menampung lebih ramai pesakit.